

♥17/12/13-56MST

CNS2467

U GB 17-12 00171 BB271

BAH

Mahathir - Islam

KERAJAAN MAHU BENTUK UMAT ISLAM YANG SEDAR TERHADAP AGAMA

JITRA, 17 Dis (Bernama) -- Kerajaan ingin memberi tumpuan kepada pembentukan umat Islam yang lebih sedar tentang tanggungjawabnya terhadap agama Islam, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

Katanya, umat Islam yang mahu dibentuk itu bukan sahaja yang sedar mengenai tanggungjawab terhadap diri sendiri tetapi juga terhadap agama, masyarakat, negara dan dunia Islam.

+Kita bukan hendak orang Islam yang cuma menumpu kepada perriapan (menuju akhirat) bagi dirinya sendiri sahaja tetapi untuk seluruh masyarakat Islam.

+Kita bukan sahaja perlumembuat ibadat tertentu sahaja tetapi kita juga perlu menguasai ilmu-ilmu dan memilik kekuatan yang boleh menolong kita mempertahankan umat Islam di mana-mana sahaja, + katanya ketika merasmikan Seminar Pegawai-Pegawai Masjid Daerah Kubang Pasu di Masjid Al-Aqila, di sini.

Beliau berkata, setakat ini, belum ada negara Islam yang mempunyai kekuatan dan mampu menjadi kuasa dunia dan sebabnya ialah umat Islam masih mempunyai tafsiran yang sempit terhadap agama. -- Lagi.

♥17/12/13-19MST

CNS2483

R GB 17-12 00184 BA150

BAH

Mahathir - Islam 2 Jitra

Sehubungan dengan itu, Perdana Menteri berkata, umat Islam di negara ini perlu mengambil berat tentang nasib saudara seagama mereka di negara lain yang dizalimi dan berusaha membantu mereka melalui penguasaan ilmu dan kebolehan tertentu.

+Kita perlu memiliki kebolehan dan ilmu yang boleh membangunkan orang Islam agar setaraf dengan orang lain supaya kita tidak memerlukan pertolongan daripada sesiapa pun, sebaliknya kita mampu dalam semua bidang tanpa bantuan mana-mana pihak, + katanya.

Katanya, hanya orang yang mempunyai pengetahuan dan pegangan agama yang terhad sahaja yang memikirkan diri sendiri dan tidak peduli tentang nasib orang Islam yang lain.

+Kita cuma membuat persediaan untuk akhirat bagi diri kita sahaja, dengan itu kita tumpukan kepada ibadat-ibadat tertentu yang khusus untuk diri kita supaya di akhirat kelak kita akan mendapat tempat di Syurga.

+Saya kluatir sama ada kita akan dapat tempat kalau kita membiarkan saudara-saudara kita yang memerlukan bantuan dan pertolongan daripada kita. Kalau kita membelakangkan mereka, ibadat kita tidak mencukupi dan tempat di akhirat pun belum tentu kita dapat, + katanya. -- Lagi.

♥17/12/13-41MST

CNS2503

R GB 17-12 00151 BA155

bah

Mahathir - Islam 3 Jitra

Dr Mahathir berkata, masih banyak yang perlu dilakukan untuk mempertingkatkan kemajuan umat Islam yang pada umumnya masih ketinggalan dalam bidang-bidang ilmu yang boleh memberi kekuatan ekonomi, politik dan ketenteraan.

+Kalau kita hendak berperang dan mempertahankan diri sekali pun kita perlu mendapat bantuan membeli (senjata) daripada orang lain, kalau mereka sanggup menjualnya, kalau tidak, kita akan menjadi mangsa kerana tidak boleh mempertahankan diri sendiri.

+Sebab itu, apabila orang Bosnia diserang dengan begitu kejam, disembelih dan dirogol, kita tidak boleh berbuat apa-apa,+ katanya.

Beliau berkata, antara kelemahan umat Islam kini ialah banyak daripada mereka tidak tahu mengenai sejarah dan sebab itu masih melakukan perkara yang boleh melemahkan umat Islam seperti bersengketa sesama sendiri, tidak bersatu-padu dan menggunakan bermacam-macam cara untuk memecahbelahkan umat.

+Ini telah berlaku dalam sejarah dan kita masih mengulanginya,+ tegas beliau. -- Lagi.

▼17/12/14-16MST

CNS2505

R GB 17-12 00133 BA156

bah

Mahathir - Islam 4 (Akhir) Jitra

Perdana Menteri berkata, kerajaan akan memberi tumpuan kepada usaha meningkatkan penguasaan ilmu di kalangan umat Islam dan berharap rakyat tidak mengangap kerajaan hanya perlu berbelanja untuk membina masjid, surau, mengadakan kelas tadika dan kelas agama sahaja.

+Yang penting bagi umat Islam ialah perbelanjaan untuk memberi kecekapan kepada orang Islam dalam semua bidang, yang juga termasuk dalam usaha kita untuk mempertahankan agama Islam.

+Kalaulah kita menghantar seorang anak kita belajar menjadi jurutera, doktor perubatan, arkitek dan macam-macam lagi jurusan yang penting, ia juga sebahagian daripada usaha kita mempertahankan agama dan umat Islam,+ tambah beliau.

Dr Mahathir kemudian mengadakan perjumpaan tertutup dengan kadi-kadi dari seluruh negeri di Pejabat Agama Islam Daerah Kubang Pasu di sini. -- Bernama.

▼17/12/14-19MST